UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : NOVEMBER / 3 / 2026
M/S : 2

# Penyelidikan pacu reformasi dalam perkhidmatan awam

## Langkah beri kesan langsung kepada kerajaan gubal dasar

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penyelidikan perlu dijadikan asas utama dalam penggubalan dasar dan pemantapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Dr Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata ia memastikan reformasi perkhidmatan awam dilaksanakan secara berkesan serta memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Beliau berkata, dunia kini bergerak dalam suasana semakin kompleks dan sukar diramal susulan perubahan teknologi, persaingan ekonomi global, ancaman keselamatan siber, perubahan iklim serta ketidaktentuan geopolitik.

### Buat keputusan tepat

Menurutnya, ia memberi kesan langsung kepada cara kerajaan menggubal dasar dan menyampaikan perkhidmatan.

"Pada masa sama, rakyat menuntut perkhidmatan lebih pantas, mudah serta berkesan.

"Cabaran ini menuntut sektor awam membina keupayaan untuk memahami perubahan dengan lebih cepat, membuat keputusan tepat dan melaksanakan dasar secara berkesan.

"Keupayaan ini hanya dapat dibina menerusi budaya penyelidikan yang kukuh, penggunaan data yang sistematik serta kesediaan untuk belajar secara berterusan," katanya ketika berucap ketika merasmikan Kolokium Penyelidikan 2026 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Pengarah INTAN, Datuk Dr Mohd Zabri Yusoff.

Wan Ahmad Dahlan berkata, reformasi sektor awam menuntut setiap keputusan dibuat berpandukan bukti atau penggubalan dasar berasaskan bukti.

"Perkara ini selaras laporan OECD dan Suruhanjaya Eropah (2025) bertajuk Strengthening National Evidence-Informed Policymaking Ecosystems yang mana keberkesanan pembuatan dasar berasaskan bukti adalah bergantung pada keupayaan penyelidikan, kepimpinan, kerjasama rentas agensi dan hubungan erat antara penyelidik dengan pembuat dasar," katanya.